


Lawatan Kerja YB Menteri Pengajian Tinggi Ke PPD



MENARIK DI DALAM

Kunjung hormat Pengarah PPD
Lawatan Delegasi "Queensland Tafe" Australia
Jenayah Cyber
Karnival Keusahawanan



8 OKTOBER 2009
YB Dato Seri Khalid bin Nordin telah melakukan lawatan kerja seharinya ke PPD. Beliau telah diiringi oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan Pengajian Politeknik dan Kementerian Pengajian Tinggi.

muka 4

PROGRAM SEHARI BERSAMA
ANGKASAWAN NEGARA

muka 11

Coretan Ketua Editor

Syukur alhamdulillah dapat kita bersua kembali dalam BULETIN PPD wadah penyampai maklumat warga PPP. Sepanjang tempoh enam bulan, PPD telah diwarnai dengan pelbagai peristiwa antaranya; lawatan kerja Menteri Pengajian Tinggi, kunjungan akademik ke pejabat Menteri Besar NS, Audit Pematuhan dan lain-lain.

Perubahan global telah memberikan impak yang besar kepada sistem pendidikan terutama di politeknik. Salah satu agenda penting Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ialah merealisasikan Pelan Strategi Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) melalui pelan transformasinya. Sehubungan dengan itu, warga politeknik disarankan agar sentiasa berfikiran terbuka serta sentiasa bersedia untuk berubah ke arah kecemerlangan. Perkara ini amat penting dalam menghasilkan kebolehan pasaran graduat serta memantapkan aspek inovasi dan penyelidikan.

Marilah kita sama-sama mengikuti perkembangan agenda-agenda kritikal di bawah pelaksanaan PSPTN. Semoga warga PPD dapat membudayakan semangat kerja berpasukan, bersikap proaktif, produktif, inovatif serta dapat melaksanakan amanat serta tanggung jawab dengan penuh keikhlasan dalam suasana kerja yang harmonis.

Sekian



MENARIK keluaran ini


EDITORIAL

Penasihat : Tn Hj Mohd Kharir bin Mohd Ibrahim
Ketua Editor : Pn Izawati @ Siti Zawiyah bt Isa

Editor :

Tn Hj Sabarudin Yeop Hamza
Pn Hamidah bt Baharum
Pn Fazlina Fadzil
Hjh Halidah Yunus
Puan Nuratikah bt Seman
En Mohd Shah Rizan Nizam Abd Manap
En Khor Seow Loon
En Mohd Fouzi bin Mustafa
Pn Siti Nuradibah bt Eduros
Cik Hema alp Portorajo
En Aznul Rafizul Bin Ramli
Cik Amira Hariyati Ruzaidi
Shamsul Johari Shaari
Yusnizam Yahya
Mokhlis Abdu Rahman

Port Dickson



Aluan Pengarah PPD

Assalamualaikum.....wbt

Alhamdulillah segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadirat Allah S.W.T kerana dengan izinkan maka dapat kita terus bernafas seterusnya melaksanakan tugas dan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita. Sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan ke atas sidang redaksi Buletin PPD pada kali ini. Sesungguhnya bukan mudah untuk menghasilkan hasil karya yang sebegini. Ia menuntut komitmen dan pengorbanan yang tinggi. Buletin adalah merupakan satu wadah penyampaian mesej dan pemakluman kepada peristiwa semasa yang berlaku. Ia menggambarkan harapan dan aspirasi warga sesebuah agensi. Harapan saya ialah agar warga polieknik Port Dickson memanfaatkan sepenuhnya terbitan berkala ini sebagai rujukan dan maklumat semasa yang penting agar semua warga politeknik peka dan menyokong aspirasi kepimpinan politeknik seterusnya memacu ke arah kecemerlangan yang berterusan. Sekian syabas dan tahniah .

Wabillah hitaufik walhidayah

Assalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh.

Khairi

LAWATAN KERJA

YB MENTERI PENGAJIAN TINGGI KE PPD

8 OKTOBER 2009

YB Dato Seri Khalid bin Nordin telah melakukan lawatan kerja seharinya ke PPD pada 8 Oktober 2009. Beliau telah diiringi oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan Pengajian Politeknik dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Di dalam ucapannya kepada warga PPD, YB Menteri telah menyampaikan amanatnya agar semua warga PPD memberikan tumpuan sepenuhnya kepada tugas dan tanggungjawab mereka sebagai penjawat awam. Beliau mengingatkan supaya semua warga PPD sentiasa bersyukur dan memahami aspirasi kerajaan yang ada dan mestilah berfikir seiring dengan dasar dan saranan pimpinan negara. Menurut beliau lagi sokongan kakitangan awam terhadap dasar-dasar kerajaan adalah kunci kepada kejayaan kerajaan mentadbir negara dengan baik pada hari ini.

Beliau juga telah menyentuh tentang langkah mewujudkan politeknik premier yang telah diuar-uarkan sebelum ini dan tidak menolak kemungkinan bahawa PPD berkemungkinan besar tersenarai sebagai salah satu daripada politeknik premier kelak. Selain daripada itu beliau juga menyentuh tentang sistem rating yang akan dilaksanakan ke atas politeknik seluruh Malaysia pada tahun hadapan. Sehubungan itu beliau mahukan agar warga PPD memberikan komitmen yang tinggi ke arah merealisasikan matlamat tersebut. Di kesempatan itu juga warga PPD telah berpeluang menyambut Aidilfitri bersama-sama dengan YB Menteri dan kesempatan itu telah digunakan sepenuhnya oleh mereka untuk bermesra dengan YB Menteri dengan lebih rapat.



Kunjungan Hormat

Ke Pejabat YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

28 Oktober 2009

Di dalam usaha untuk mempromosi dan mewujudkan kerjasama yang erat dengan pihak kerajaan Negeri Sembilan, Pengarah Politeknik Port Dickson Tuan Haji Mohd Kharir bin Mohd Ibrahim telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat YAB Menteri Besar Negeri Sembilan Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan. Turut serta bersama rombongan kunjungan hormat tersebut ialah En. Charim Ibrahim Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Ustaz Wan Hujjatullah Wan Ghazali Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan En. Sabarudin bin Hj. Yeop Hamza Pegawai Perhubungan Awam.

Antara perkara yang disentuh di sepanjang pertemuan dengan YAB Menteri Besar itu ialah perancangan dan harapan kerjasama yang boleh dijalinakan antara PPD dengan pihak kerajaan negeri. YAB Menteri Besar telah menyatakan bahawa pihak kerajaan negeri akan sentiasa membantu apa jua bantuan yang diperlukan oleh pihak PPD.

Beliau berterima kasih di atas keprihatinan pengarah PPD mengenai masa depan anak bangsa dan komitmen beliau ke arah merealisasikan pewaris bangsa yang berkualiti di masa hadapan. Beliau telah menyatakan kesediaannya untuk hadir ke PPD pada bila-bila masa diperlukan. Di akhir pertemuan tersebut pengarah PPD telah menyampaikan cenderamata kepada YAB Menteri Besar sebagai tanda kenang-kenangan sempena lawatan tersebut.



LAWATAN DELEGASI QUEENSLAND TAFE" AUSTRALIA KE

POLITEKNIK PORT DICKSON

Pada 23 Oktober 2009 yang lalu Politeknik Port Dickson sekali lagi menemai sejarahnya apabila dilawati oleh delegasi dari TAFE Queensland Australia. Delegasi tersebut telah diketuai oleh Cik Kath Marnane selaku Pengarah Eksport TAFE Queensland. Beliau diiringi oleh 4 orang pegawai-pegawai kanan TAFE dan En Elias Jaafar sebagai pegawai pengiring dari Kementerian Pengajian Tinggi. Kedatangan mereka telah disambut oleh Puan Izawati bt Isa Ketua Jabatan Pengajian Am selaku wakil pengarah PPD yang sedang berkursus pada masa itu serta semua pegawai Pengurusan PPD.

Di sepanjang lawatan tersebut delegasi Australia telah dipersembahkan dengan tayangan video korporat PPD, sesi dialog dengan ketua-ketua jabatan dan ketua-ketua unit seterusnya dibawa melawat ke Galeri Senibina Jabatan Kejuruteraan Awam PPD. Antara intipati lawatan tersebut ialah hasrat pihak TAFE Queensland untuk mewujudkan rangkaian kerjasama dengan pihak PPD dan dalam masa yang sama mempromosikan peluang pendidikan teknikal dan vokasional yang boleh diceburi oleh pelajar-pelajar Malaysia dan PPD khususnya di Queensland.

Peserta delegasi tersebut amat gembira dan kagum dengan suasana pembelajaran di PPD dan mereka bercadang untuk kembali lagi ke PPD pada masa akan datang dengan jumlah delegasi yang lebih besar.



PPD lulus Audit Pengawasan SIRIM QAS International



Politeknik Port Dickson telah menjalani proses audit pengawasan yang kedua oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 21 dan 22 October 2009. Proses penguaditan telah dilaksanakan oleh Cik Hjh Hanida Bt Ghazali. Antara jabatan dan unit yang diaudit adalah Jabatan Kejuruteraan Elektrik, unit Ko-kurikulum dan Hal Ehwal Pelajar.

Disamping itu, prosedur sokongan seperti proses audit dalaman, tindakan pencegahan dan pembetulan, maklumbalas pelanggan dan unit LPL turut diaudit. Proses penguaditan telah berjalan lancar. Dalam masa yang sama manual kualiti telah berjaya dipinda memenuhi keperluan piawaian MS ISO 9001 : 2008.



PPD menang Anugerah Video

Tanjung Tuan membawa tuah kepada Unit Pembangunan Instruksional dan Multimedia (UIDM) PPD kerana berjaya memenangi Anugerah Video Terbaik sempena Festival Video dan P&P Politeknik dan Kolej Komuniti menerusi dokumentarinya 'Tanjung Tuan' yang diadakan pada 22 hingga 23 November 2009. Festival ini dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kurikulum, Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Jawatankuasa Pembangunan Instruksional dan Multimedia (CIDM).

Dengan kerjasama pelbagai pihak PPD menggondol 4 anugerah iaitu Video Terbaik, Dokumentari Terbaik Kategori Staf, Skrip Terbaik dan Penataan Bunyi Terbaik.

Penerbitan ini dijayakan bersama oleh En. Bahrin Ahmad (Kebus Unit UIDM PPD) dan Mohd Noralimi Mohd Ali (Pegawai UIDM), serta Norliza Mohd Nordin (Pegawai dan Penulis Skrip), Sabarudin Yeop Hamza (Penyampai), Al Mokhlis Abd Rahman (Jurusudio), Nazrul Anuar Mohd Kadri (Jurukamera), dan Kamal Bahrin Jab (Suntangan).

Semoga PPD sentiasa menerajui kecemerlangan dalam pelbagai aspek di masa hadapan.

Hari Kualiti PPD

Hari Kualiti PPD telah diadakan pada 9 September. Antara aktiviti yang dijalankan ialah pertandingan sudut kualiti terbaik, pertandingan kuiz di kalangan staff dan pelajar, gerak genggar FRP setiap jabatan akademik, hari bersama pelanggan serta pertandingan persembahan pelajar oleh IKE.

Pertandingan sudut kualiti telah diadili oleh Pengarah PPD dan juga Timbalan Pengetua (Sokongan Akademik) dan telah dimenangi oleh Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Melalui aktiviti ini, semua staf ini, ianya dapat menerapkan amalan Sistem Pengurusan Kualiti dalam kalangan warga PPD. Semua unit dan jabatan telah memberikan sokongan pada dalam menjayakan program yang dijalankan.



Kursus Awareness (18-19 Jun 2009)

Kursus Kesedaran MS ISO 9001:2008 dilaksanakan selama dua hari di Bilik Tayang Unit Pembangunan dan Instructional Multimedia PPD. Tujuan kursus ini adalah untuk memberi kesedaran terhadap perbendaharaan ISO sebelum staf berkesempatan disertakan ke kursus selanjutnya iaitu Kursus Audit Dalaman.

Sesuai namanya adalah untuk menumbuhkan bilangan auditor dalaman PPD. Sebanyak 53 staf telah menghadiri kursus berkenaan yang terdiri dari semua jabatan termasuk 3 staff dari Unit Teknologi Maklumat. Beberapa staf telah dienalpasti untuk disertakan sebagai auditor dalam latihan untuk proses internal audit yang akan berlangsung pada bulan Oktober akan datang.

Pada 8 Oktober 2009, satu program Kempen Keselamatan Jalan Raya telah dianjurkan oleh Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Negeri Sembilan bertempat di Dewan Bagan Pinang, Bagan Pinang. Program ini merupakan program JKJR bersama masyarakat setempat dan pelajar Politeknik Port Dickson telah diundang untuk memeriahkannya serta meraih faedahnya.

Di atas jemputan pihak JKJR Negeri Sembilan serta mendapat dorongan dari Tuan Pengarah PPD, Kelab kejuruteraan Mekanikal (MECLUB) bersama Kelab Bermotor PPD berbesar hati memenuhi undangan tersebut.

Program ini berlangsung bermula jam 2.00 petang di mana MECLUB dan Kelab Bermotor PPD telah mengambil inisiatif untuk berkonvoi dari PPD ke Dewan Bagan Pinang. Sebanyak 40 buah motosikal pelajar berjaya dikumpulkan serta diiringi kenderaan pensyarah menuju ke destinasi program. balan Menteri Pengangkutan secara percuma kepada konvoi PPD. Konvoi PPD berasa sangat bertuah kerana terpilih bersemuka dengan orang kenamaan dan mendapat manfaat dari program keselamatan ini.



Kehadiran pelajar yang berkonvoi disambut meriah oleh pihak JKJR yang seterusnya menjadikan konvoi PPD sebagai gimik pembukaan program.

Program diserikan lagi dengan kehadiran tetamu VVIP, YB Datuk Hj. Abdul Rahim Bin Bakri iaitu Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia. Dalam ucapan beliau, YB Datuk menasihati dan menekankan supaya keselamatan jalan raya sentiasa diutamakan. Nasihat dan tip-tip keselamatan jalan raya banyak diberikan khususnya untuk pelajar PPD.

Di akhir program, konvoi pelajar PPD diberi penghormatan untuk menerima topi keledar dan vest keselamatan.

Program Kempen Keselamatan Jalan Raya

Bengkel Penyelenggaraan Asas Kenderaan (Motosikal Dan Motokar)

Sempena persediaan menghadapi peperiksaan akhir sesi Julai 2009, Jabatan Kejuruteraan Awam PPD telah menganjurkan program Tips For Final pada 30 November 2009 di Dewan Kuliah 4 PPD. Matlamat program ini adalah untuk meningkatkan keyakinan diri pelajar JKA dari semester satu, dua dan tiga untuk menghadapi peperiksaan akhir dengan lebih berkesan dan cemerlang. Pada sebelah pagi, para peserta yang terdiri dari 150 orang pelajar JKA semester satu didedahkan dengan Teknik Motivasi Menjelang Peperiksaan yang disampaikan oleh Encik Osman Affan iaitu Pakar Motivasi dan Pengasas SMART Study bermula jam 8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari.

Manakala pada sebelah petang pula, Encik Osman Affan telah menyampaikan seminar Kemahiran Belajar kepada peserta iaitu pelajar JKA semester dua dan tiga seramai 300 orang berdasarkan modul SMART Study yang telah beliau asaskan. Program Tips For Final ini mendapat maklumbalas yang sangat positif dari semua peserta terutama dari segi keberkesanan teknik dan gaya penyampaian yang digunakan oleh penceramah iaitu Encik Osman Affan dalam menawan minat pelajar terhadap topik-topik yang disampaikan berkaitan motivasi dan gaya belajar. Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada penceramah oleh Ketua Program Senibina iaitu Puan Rohani binti Mohd Noor pada pukul 5.30 petang.

Lawatan Akademik Ke UTEMM

Pada 19 November 2009, jam 8.00 pagi, seramai 40 orang peserta diiringi Encik Azizan Saad telah menyertai lawatan akademik ke UTEMM menaiki bas PPD. Selama hampir 2 jam perjalanan, kami tiba di lokasi pada jam 10.00 pagi dan disambut oleh wakil Jabatan Perhubungan dan Korporat, Encik Ruzaiman.

Kami kemudiannya dibawa ke bilik taklimat dan kemudian diberi penerangan tentang syarat-syarat kemasukan ke UTEMM. Kami dimaklumkan bahawa UTEMM sedia menerima pelajar lepasan politeknik dan ini menambahkan informasi kepada kami untuk melanjutkan pelajaran di UTEMM. Selesai taklimat pembukaan, pihak UTEMM telah menyampaikan cenderamata kepada wakil PPD.


Program diteruskan dengan taklimat oleh Encik Azhar yang memberikan penerangan mengenai Jabatan Pembuatan di bawah Fakulti Mekanikal. Menurut beliau, Jabatan Mekanikal dan Jabatan Pembuatan merupakan 2 buah jabatan yang berbeza supaya pengkhususan dalam bidang masing-masing dapat difokuskan.

Mengenai projek pelajar, konsep yang diamalkan di Fakulti Mekanikal ialah pelajar akan membuat projek masing-masing tanpa kerja berkumpulan.

Pelajar menyiapkan projek mereka dengan menggunakan seorang satu mesin tanpa perkongsian mesin. Pelajar di sini juga diberi pendedahan yang mendalam sebelum mendapat tugas masing-masing.

Setelah mendengar taklimat, kami dibawa pula melawat ke sekitar makmal pembuatan. Melalui lawatan makmal ini, kami mendapat pengalaman baru dalam mengenali mesin-mesin yang digunakan. Selesai lawatan di makmal, kami di bawa ke kawasan makmal lukisan dan telah melihat pelbagai hasil kerja daripada pelajar-pelajar. Mereka menggunakan aplikasi perisian Catia dan Solid Work. Melalui pemerhatian, perisian ini lebih mudah untuk membuat rekabentuk berbanding Autocad.

Mungkin perisian ini boleh diaplikasikan di PPD sejajar dengan peredaran masa! Setelah mendapat informasi dan dapat melihat bagaimana suasana kampus UTEMM dengan lebih dekat, kami merasakan peluang menyambung pelajaran sememangnya terbuka luas untuk kami. Melalui program ini juga sedikit sebanyak dapat membuka mata kami untuk meneruskan pengajian setelah tamat belajar di PPD. Sememangnya, kami merasakan PPD menjadi pemangkin dalam merealisasikan cita-cita kami untuk Berjaya dalam bidang akademik!




BAKTI SISWA



Pada 22 November 2009 yang lalu, bertempat di Kampung Talang, Kuala Pilah Negeri Sembilan, seramai 40 orang pelajar JKA telah menyertai program Bakti Siswa yang melibatkan tiga buah rumah penduduk kampung tersebut. Antara aktiviti yang dijalankan ialah gotong royong sekitar rumah penduduk, membaiki pagar rumah penduduk, ramah mesra bersama isi rumah, membersihkan kawasan dalam rumah dan menyampaikan sumbangan barang dapur kepada penduduk terlibat.

Matlamat Bakti Siswa ini diadakan adalah untuk melatih para pelajar JKA agar menjadi warga yang prihatin kepada masyarakat dan memberi peluang kepada peserta mengenali masyarakat sekitar dengan lebih dekat lagi dan membantu penduduk yang memerlukan khidmat dari masyarakat yang sukarela. Para pelajar yang terlibat dalam aktiviti ini berpendapat aktiviti bersama masyarakat ini merupakan pengalaman yang tidak dapat dilupakan yang mana pelbagai karenah dan budaya penduduk dapat diperhatikan dan teknik komunikasi berkesan sangat penting dalam menjayakan sesebuah aktiviti kemasyarakatan di samping mendidik mereka supaya bersyukur dan menghormati warga emas yang memerlukan.

JKA bersama Pengkaji Tamadun Dunia GPTD (SAKTI)



Pada 14 hingga 16 Ogos 2009 yang lalu, Jabatan Kejuruteraan Awam PPD telah menghantar seramai 20 orang pelajar untuk menyertai program sukarelawan anjuran Grup Pengkaji Tamadun Dunia Angkatan Belia Islam Malaysia bertempat di Pusat Dakwah Islamiyah, Paroi Seremban. Selain dari pelajar PPD, program ini juga disertai oleh Universiti Sains Islam Malaysia, Kolej Legenda, UNITAR dan KUIS.

Objektif program ini ialah untuk melatih belia Islam dalam menjadi sukarelawan khidmat sosial antarabangsa, membina dan memperkukuh jaringan belia antarabangsa di seluruh dunia, melahirkan sukarelawan muda yang tahan lasak serta kaya dengan ilmu dan pengalaman seterusnya berperanan dalam membangunkan belia. Di antara pengisian program sukarelawan ini Latihan Dalam Kumpulan yang membincangkan alam Melayu dan Tamadun Melayu beserta tokoh-tokoh nusantara, riadah dan ceramah berkaitan kepentingan sukarelawan belia Islam yang disampaikan oleh Yang Dipertua ABIM Negeri Sembilan iaitu Ustaz Haji Shamsul Azhar dan Presiden ABIM Malaysia Encik Muhd Razak bin Idris.

Program ini telah membuka lembaran baru dalam aktiviti pelajar JKA yang mana mereka didedahkan secara langsung dengan pertumbuhan belia di peringkat nasional dan antarabangsa dan mencetuskan satu fenomena dari sudut keilmuan dan kesukarelaan di



Kem Campus Leadership



Program Kem Kepimpinan Pelajar JKA (Campus Leadership Camp- CLC) telah diadakan di D'Kok Eco Camp Kuala Pilah Negeri Sembilan pada 20 hingga 22 November 2009. Program ini disertai oleh 40 orang peserta yang terdiri dari AJK Kelab JKA dan bakal AJK untuk sesi Januari 2009. Program ini dianjurkan oleh Kelab JKA dan matlamat program ini adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan wakil pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam khususnya dalam aspek pembentukan ciri-ciri kepimpinan dan pengurusan organisasi ke arah melahirkan individu dan pasukan JKA yang lebih berkualiti dan kompeten dalam menjayakan misi dan visi politeknik.

Antara pengisian CLC ini ialah ice breaking, pembentukan kumpulan, Secret Admire, Pembentangan Kumpulan, Latihan Dalam Kumpulan, Explorace, Ceramah Kepimpinan, Majlis BBQ, Malam Kebudayaan, Berkayak dan Majlis Penyampaian Hadiah. Penceramah jemputan iaitu Yang Dipertua Angkatan Belia Islam Negeri Sembilan; Yang Berbahagia Tuan Haji Shamsul Azhar bin Yahya, turut menyampaikan ceramah bertajuk Kepentingan Kepimpinan Belia Islam dalam Masyarakat. Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai matlamatnya dengan jayanya dan para peserta amat berpuas hati dengan pengisian yang dijalankan dan berazam untuk menjadi pemimpin pelajar yang berkaliber di masa akan datang.

"MUSLIMAH THE POWER III"

Pada 27 dan 28 Oktober 2009, sempena minggu penghayatan Islam, Kelab Perdagangan sekali lagi menjalankan program Muslimah The Power III. Tidak banyak perubahan yang dibuat dalam program ini musim ini berbanding musim yang lepas. Apa yang mengejutkan adalah pembabitian syarikat luar yang sudi memberi tunjuk ajar dan sumbangan dalam program musim ini.

Syarikat Sari Ratu Spa telah sudi memberi sedikit tips untuk menjaga kesihatan luaran dan dalaman. Pada 27hb, kuiz penghayatan Islam dan ceramah personaliti telah dilaksanakan di Pusat Islam Politeknik PD. Ceramah personaliti telah disampaikan oleh Puan Nuratikah binti Seman. Pada 28hb pula, acara memperaga busana muslimah telah diadakan di DK4, terdapat dua kategori yang dipertandingkan iaitu kategori pelajar dan terbuka.

Hadiah adalah sumbangan dari Sari Ratu Spa. Di harapkan di masa akan datang, lebih banyak syarikat luar dapat memberi sumbangan bukan sahaja dalam bentuk barangan tetapi kepakaran yang dapat digunakan oleh pelajar. - mfm

KARNIVAL KEUSAHAWANAN 2009



Pada 25 November 2009, Jabatan Perdagangan dan Kelab Perdagangan telah bergabung tenaga untuk merealisasikan program Karnival Keusahawanan 2009. Terdapat 2 program mega yang telah dijalankan. Program pertama di adakan di DK4. Program ini dijalankan bersama komuniti daerah Port Dickson. Seminar Keusahawanan dan Kepenggunaan Islam adalah program pertama dan mendapat sambutan di luar jangkauan.

Penceramah untuk program tersebut di undang khas dari Universiti Sains Islam Malaysia, En. Noorizzudin bin Dato' Nooh, Halal Industries Development Corporation Tn Hj Saifol Bin Hj Bahli dan Tn Hj Abdullah Abdul Rahim dari Sri Jati Enterprise. Program kedua berlangsung di Dewan Wawasan Politeknik Port Dickson. Usahawan Kerjaya Pilihan adalah tajuk untuk program kedua. Di antara penceramah yang hadir ialah Tan Sri Dato' Muhammad Ali Hashim, CEO Johor Corporation, En. Jamaluddin Md Ali, Pengarah Urusan QSR Brands Bhd, Prof Dr Hashim Kamil, Pengurus Besar KFC Marketing Sdn Bhd, Tn Hj Muhammad Sahar Bin Mat Din, Pengarah Urusan Bulatan Mekar Sdn Bhd dan Tn Hj Suhaimi bin Sulaiman, Pengarah Urusan Tapak Marketing Sdn Bhd.

Seminar yang disampaikan berupaya memberi informasi-informasi terkini dan bermanfaat kepada para peserta. - mfm

JENAYAH CYBER

Pada 29 Oktober 2009, Kelab Perdagangan dengan kerjasama unit Kaunseling Jabatan telah mengadakan program kesedaran Jenayah Cyber. Hari ini, terlalu banyak jenayah cyber yang berlaku. Antara contohnya jadalah memuat turun sebarang hasil karya seseorang tanpa kebenaran, segala bentuk nota dan sebagainya. Di sini, pihak kaunseling cuba memberi didikan awal kepada para pelajar mengenai jenayah ini. Ia sebagai persediaan awal sebelum para pelajar menjejak kaki ke alam pekerjaan. Pihak AG aspirasion telah diberi kepercayaan untuk merealisasikan impian ini. - mfm



Pembangunan Insan Holistik

Program Unit Psikologi & Kerjaya 2009



FUN WITH ENGLISH

Attracting students to learn the English language through games was successful during The English Language Camp (ELC). The ELC was held on 31 October 2009 at Port Dickson Golf Club (PDGC) and participated by 30 Port Dickson Polytechnic students. Outdoor and indoor activities were organized for the participants by Mr. Nor Wira and Mr. Julainus Jiun. Participants were mentally and physically challenged to complete these activities in their respective groups. Participants were also coached on Public Speaking skills by the guest speaker, Mr. Rajalingam. The main aim of this event is to encourage students to speak in the English Language. The coordinators (Pn. Isdawati & Cik. Hema) thanked all the English Language lecturers for their cooperation.



PREPARATION FOR JOB INTERVIEWS

Job interviews are one of the most crucial occasions in every individual's life. Therefore the English Language Unit has organized 'Successful Job Interview Seminar' on Saturday, 14 November 2009 in Wawasan Hall, Port Dickson Polytechnic. The participants, 350 students, who were the Diploma final semester students and upper secondary school students, gained handy information on how to answer, dress and carry themselves for job interviews. This half a day crash course was delivered by Madam Nallaini Nagalingam of Q-Performance Consultant Sdn. Bhd.



Program Bubur Lambok anjuran Jabatan Pengajian Am dengan kerjasama Pusat Islam telah diadakan pada 4 September. Aktiviti ini bertujuan untuk meraikan kedatangan Ramadhan di samping boleh mengeratkan lagi hubungan ukhuwah sesama warga kerja Politeknik dan pelajar-pelajar politeknik.

Sumbangan untuk menjayakan aktiviti ini adalah hasil daripada sumbangan ikhlas semua staf politeknik dan dana Pusat Islam. Sebanyak 5 periuk bubur lambok berjaya disiapkan dengan bantuan pelajar dan staf politeknik. Bubur lambok tersebut telah diagihkan selepas selesai Solat Jumaat di Pusat Islam. Semuga Allah memberkati usaha yang telah dilaksanakan.

Program Bubur Lambok



SEMINAR PENGURUSAN JENAZAH

Seminar Pengurusan Jenazah ini telah diadakan pada 1/11/2009 bertempat di Pusat Islam PPD. Seminar ini telah dihadiri oleh semua pelajar Muslim seramai 500 orang iaitu pelajar semester 2 yang mengambil kursus A2001 (Pendidikan Islam 2).

Pengurusan Jenazah juga adalah salah satu tajuk penting dalam Modul Pendidikan Islam 2. Bermula daripada teori mengenai pengurusan jenazah iaitu adab menziarahi pesakit, tanda-tanda hampir mati dan seterusnya kepada praktikal memandikan jenazah telah disampaikan pada seminar sehari tersebut. Penceramah yang dijemput ialah Ustaz Syukri Bin Sapie dan Ustaz Abdul Fatah mengelolakan tugas-tugas praktikal memandikan jenazah sehingga selesai.

Semuga dengan adanya seminar pengurusan jenazah ini akan memberikan kita semua pendedahan terhadap kepentingan untuk melaksanakan tuntutan fardhu kifayah ini bukan sekadar untuk keperluan diri kita sendiri, bahkan perlu dimanfaatkan sekurang-kurangnya untuk ahli keluarga kita dan seluruh masyarakat muslim. Inshaallah



Pendaftaran Pelajar

Pada Pendaftaran Pelajar Sesi Julai 2009, Unit ICT telah dipertanggungjawabkan menyediakan peralatan ICT bagi melancarkan lagi proses pendaftaran. Semua kakitangan Unit ICT juga terlibat secara langsung mendaftarkan pelajar yang diadakan di Dewan Wawasan ini. Pendaftaran telah berjalan selama 2 hari iaitu pada 6 Julai 2009 untuk pelajar baru lulusan SPM dan 10 Julai 2009 untuk pendaftaran pelajar lama dan pelajar baru lulusan siji politeknik (integrasi).



Bengkel Pembinaan Blog

Sempena Karnival Mathscomp 2009 anjuran Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) Politeknik Port Dickson, Unit ICT telah mengadakan satu Bengkel Pembinaan Blog pada hari Selasa, 18 Ogos 2009. Bengkel selama 2 jam 30 minit ini bertempat di Makmal Awam 1 (GLAB1), JMSK. Bengkel yang disertai oleh 36 pelajar Politeknik Port Dickson ini meliputi konsep asas blog dan langkah-langkah membina blog secara praktikal.



Kajian Persepsi Pelajar

Pada sesi Julai 2009, pihak Unit ICT telah menyelaras penggunaan makmal-makmal komputer di Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) untuk sesi maklumbalas secara online Kajian Persepsi Pelajar bagi Kurikulum Program Pengajian di Politeknik. Kajian ini dikelolakan oleh Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kurikulum (BPPK). Kajian yang berlangsung dari 1 - 17 Disember 2009 ini bertujuan mengumpulkan maklumbalas dan cadangan semua pelajar dari semua jabatan dalam politeknik terhadap mana-mana silibus kursus yang diajar, khususnya mengenai Maklumat Am Kursus, Objektif Kursus dan Hasil Pembelajaran Kursus.



Seminar Kenali Potensi Diri & Jamuan Hari Raya

Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) dengan kerjasama Unit kaunseling Politeknik Port Dickson telah mengadakan Seminar Kenali Potensi Diri dan Jamuan Hari Raya pada 10 Oktober 2009. Seramai 50 orang pelajar JKE dan 100 ahli Kelab Kaunseling bersama-sama 30 org pelajar dari Yayasan Anak-anak Yatim Daerah Port Dickson telah menyertai seminar ini. Pengisian seminar adalah ceramah motivasi yang dikendalikan oleh Cr. Shamsul Bahrain bin Harun, kaunselor Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Ia bertujuan untuk memberi dorongan supaya para pelajar dapat mengenali diri seterusnya melakukan perubahan yang baik dalam mengharungi tanggung jawab sebagai seorang pelajar. Seminar ini diakhiri dengan majlis jamuan hari raya yang telah diadakan di ruang legar DK6. -azilah-

Hari Jabatan Kejuruteraan Elektrik


Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Port Dickson telah mengadakan Hari JKE selama 2 hari bermula 19 November hingga 20 November 2009 bertempat di Dewan Wawasan dan Dataran Pelajar. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Tn Zainudin bin Ibrahim, Pengurus Besar Stesen Janakuasa Tuanku Jaafar, Port Dickson.

Program ini memuatkan dengan pelbagai agenda dan aktiviti seperti pameran projek semester akhir, ceramah Radio Amatur dan Humanoid Robot, taklimat peperiksaan dan disiplin, temuduga kerjaya, larian JKE dan Majlis Anugerah Ketua Jabatan. Ini adalah hasil kerjasama semua pensyarah warga JKE dalam usaha menyampaikan ilmu dan maklumat tambahan khusus untuk para pelajar di samping mengeratkan lagi hubungan ukhwah silaturrahim di antara para pelajar dan para pensyarah jabatan. -azilah-

Bengkel Humanoid Robot

Bengkel Kolaborasi Politeknik Port Dickson dan Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar (SMTTJ), Seremban telah berlangsung selama 3 hari bermula pada 27 Oktober sehingga 29 Oktober 2009 bertempat di Bilik Tayang, Unit Pembangunan Intruksional dan Multimedia, Politeknik Port Dickson.

Kolaborasi ini diwujudkan sebagai salah satu projek kebajikan di bawah Rekapiata dan Inovasi. Bengkel ini telah disertai oleh 12 orang pelajar SMTTJ dan 3 orang pensyarah JKE. Bengkel Kolaborasi ini juga telah memuatkan beberapa aktiviti seperti pengenalan kepada Humanoid Robot Soccer, pemasangan, pengaturcaraan, persediaan dan pengujian Humanoid Robot Soccer serta taklimat pertandingan. -azilah-



Jabatan Matematik Sains dan Komputer telah berjaya melaksanakan Program Sehari Bersama Angkasawan Negara, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor. Program ini berlangsung pada 19 Ogos 2009, bertempat di Dewan Wawasan Politeknik Port Dickson.

Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor telah menyampaikan ceramahnya yang bertajuk 'Cabaran Sebagai Angkasawan Pertama Malaysia'. Salah satu matlamat Program Angkasawan adalah untuk menyemarakkan minat remaja terhadap bidang sains dan teknologi.

Berbagai maklumat yang berguna telah disampaikan oleh Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor dalam ceramahnya, bermula daripada proses pemilihan mewakili Negara untuk ke angkasa lepas, semasa beliau berada di angkasa lepas sehinggalah beliau pulang ke Bumi. Beliau juga banyak berkongsi pengalaman semasa beliau berada di angkasa lepas. Beliau juga berkongsi pengalaman beliau menjalankan eksperimen di angkasa lepas.

Segala pengalaman yang dikongsikan oleh beliau adalah amat berguna sebagai panduan bagi pelajar-pelajar untuk mengikut jejak Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor. Semoga akan datang akan ada perintis yang mampu mengikut jejak Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor. Nuradibah



PROGRAM SEHARI BERSAMA ANGKASAWAN NEGARA



BENGGEL KALKULATOR QB002 & QB003

Pada 26 Ogos 2009, Jabatan Matematik Sains dan Komputer telah mengadakan Bengkel Asas Kalkulator khas untuk pelajar-pelajar Foundation yang mengambil Kursus QB002 dan QB003. Puan Noormala Binti Ramli dijemput untuk menyampaikan ceramah.

Bengkel asas kalkulator ini dijalankan untuk mendedahkan pelajar terhadap aplikasi penggunaan kalkulator saintifik dalam bidang Sains Dan Matematik, meningkatkan memahiran dan penguasaan pelajar dalam penggunaan kalkulator saintifik supaya pelajar lebih mahir, dan meningkatkan minat pelajar terhadap bidang Sains dan Matematik.

Sepanjang Bengkel ini berlangsung, pelajar-pelajar Foundation ini menunjukkan rasa minat dan seronok apabila didedahkan dengan kemahiran baru dalam penggunaan kalkulator saintifik. Setelah bengkel ini dilaksanakan, dalam proses P&P, pelajar semakin kerap mengaplikasikan kemahiran-kemahiran yang telah mereka berolehi di dalam bengkel tersebut. Bengkel ini telah berjaya memberikan pendedahan yang baru kepada pelajar mengenai penggunaan kalkulator saintifik dgn lebih mendalam lagi. Nuradibah

PROGRAM JATI DIRI BERSAMA KOMUNITI

Kelab MathSComp di bawah pengelolaan Jabatan Matematik, Sains dan Komputer telah mengadakan Program Jati Diri Bersama Komuniti selama dua hari satu malam bertempat di D'kok Eco Camp, Kampung Talang, 71500 Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan, bermula pada 14 November 2009 dan berakhir 15 November 2009 ini bertujuan untuk menerapkan sifat tolong-menolong dan kerjasama dalam satu pasukan dan masyarakat selain membentuk individu modal insan seiring dengan kehendak kerajaan

Program ini membawa tema 'JATI DIRI GEMILANG MEMBENTUK KOMUNITI CEMERLANG'. Di samping itu, program ini menguji tahap kecekalan mental dan fizikal para peserta dengan aktiviti lasak yang diadakan selain mendisiplinkan para peserta yang mengikuti program ini. Program ini juga dapat meningkatkan kesan dan kenangan yang mendalam pada para peserta dan masyarakat setempat yang terlibat. Objektif program ini adalah menerapkan nilai kerjasama sesama manusia, menerapkan pendidikan yang menyeluruh merangkumi rohani, jasmani, akhlak, dan tingkahlaku, melahirkan pelajar modal insan seiring dengan kehendak kerajaan, mengeratkan silaturahim di antara masyarakat setempat dengan pelajar dan melatih pelajar menolong golongan yang memerlukan. Nuradibah



PENGLIBATAN POLITEKNIK PORT DICKSON DALAM AKTIVITI SUKAN TAHUN 2009

TARIKH/PERISTIWA	PERINGKAT	TEMPAT	PENYAJUAN
Karnival Sukan antara Negeri (in) (7-8 Feb-1 Mac 2009)	Tertuka	Gelanggang Futsal Arena Sports Paroi, Seremban	PPD Staff- Puanngin Kedua PPD A-Suku Akhir
Kejohanan Bola Sepak (5-9 Mac 2009)	MSPM	Politeknik Johor Bahru, Johor	Suku Akhir
Kejohanan Sepak Takraw (6-8 Mac 2009)	MSPM	Politeknik Tuanku Syed Saipuddin, Perlis	Suku Akhir
Kejohanan Olahraga (14-17 Mac 2009)	MSPM	Stadium Kelana Jaya, Petaling Jaya, Selangor	5000 Jalan Kaki (L)-Keb Lentar Peluru(W)-Ke3 Mengam Lembang(W)-Ke3 Suku Akhir
Kejohanan Bola Jaring Terbuka (UTM) (21-22 Mac 2009)	Keb./IPT	UiTM Shah Alam, Selangor	Suku Akhir
Karnival Sukan antara Pecaturan Setia Negeri Sembilan 2009 (4-5 April 2009)	Tertuka	Gelanggang Futsal Arena Sports Paroi, Seremban	Lelaki-Suku Akhir
Sukan Muhibbah Jemputan PTSS (09-12 April 2009)	Antara Politeknik (jemputan)	Politeknik Tuanku Syed Saipuddin, Perlis	B Jaring-Ketiga Ping Pong-N Johan S Takraw Staff-N Johan S Takraw Pelajar-Ketiga Badminton-N Johan Futsal Staff-Ketiga Kecelaruhan-N Johan Lelaki-Suku Akhir Pereremuan-N Johan
Kejohanan Softbol Jemputan POLIMAS (10-12 April 2009)	Antara Politeknik (jemputan)	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah	Lelaki-Suku Akhir
Kejohanan Ragbi 7' Carisbrook (11-12 April 2009)	Keb./IPT	Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor	Johor Plate
Kejohanan Hoki 9' (1-3 Mei 2009)	MSPM	Stadium Hoki Sultan Azlan Shah, Ipoh, Perak	Lelaki-Puanngin Awal Perempuan-Pasangan Awal (L) - Suku Akhir
Pencak Silat Jemputan PUO (1-3 Mei 2009)	Keb./IPT	Politeknik Ungku Omar, Perak	PPD - Tuan Rumah
Keputusan Pasut SHPMA Fasa 1 (30 Mei-5 Jun 2009)	MSPM	Politeknik Port Dickson	Johan Kecelaruhan Johan & ke-3 Master(wanita) N Johan Double(wanita) Johan Triple(wanita) Johan Berpasukan (wanita)
Kejohanan Tenpin Bowling (6-10 Jun 2009)	MSPM	Politeknik Kuching, Sarawak	Lelaki-Johan (antara Politeknik)
Kejohanan Kosmo Varutti Futsal Politeknik & Kolej Komuniti 2009 (11-16 Jun 2009)	MSPM	Politeknik Shah Alam, Selangor	Beraga Wanita-Perak
Kejohanan Ragbi 10' (12-16 Jun 2009)	MSPM	Politeknik Merlimau, Melaka	Johor Plate
Kejohanan Badminton (16-20 Jun 2009)	MSPM	Politeknik Sultan Idris Shah, Selangor	Beraga Wanita-Perak
White Water Rafting (20-23 Jun 2009)	MSPM	Politeknik Kota Kinabalu, Sabah	TK2 Wanita-Perak
Kursus Kejurulatihan Asas Bola Jaring (14-17 Julai 2009)	MSPM / Kebangsaan	Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan	Arjuna PPD bersama MSP dan PBM
Kejohanan Softbol Jemputan PPD 2009 (10-15 Nov 2009)	MSPM / Kebangsaan	Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan	(L) - Juara (P) - Juara
Kejohanan Golf (10-22 Nov 2009)	MSPM	Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan	Jemputan - Tn Hj. Khairi (Johan)

